

**AMALAN PENGURUSAN KURIKULUM,
KOMITMEN KERJA DAN KEPUASAN KERJA
DALAM KALANGAN KETUA PANITIA SERTA
HUBUNGANNYA DENGAN PRESTASI
AKADEMIK SEKOLAH MENENGAH
DI SABAH.**



UMS
LAIMAH SUNGAP
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014**

**AMALAN PENGURUSAN KURIKULUM,
KOMITMEN KERJA DAN KEPUASAN KERJA
DALAM KALANGAN KETUA PANITIA SERTA
HUBUNGANNYA DENGAN PRESTASI
AKADEMIK SEKOLAH MENENGAH
DI SABAH.**

**LAIMAH SUNGAP**

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI PSIKOLOGI DAN PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2014**

PENAKUAN

Karya ini adalah hasil karya saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan, dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

30 Ogos 2014

Laimah Sungap
PT20068581



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN


NAMA : **LAIMAH BINTI SUNGAP**

NO. MATRIK : **PT20068581**

TAJUK : **AMALAN PENGURUSAN KURIKULUM, KOMITMEN
KERJA DAN KEPUASAN KERJA KETUA PANITIA
SERTA HUBUNGANNYA DENGAN PRESTASI
AKADEMIK SEKOLAH MENENGAH DI SABAH**

IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

TARIKH VIVA : **18 JULAI 2014**



1. PENYELIA UTAMA

Prof. Madya Dr. Baharom Mohamad

DISAHKAN OLEH;

UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

PENGHARGAAN

Pertama dari segalanya, pujian dan syukur saya naikkan kepada Dia yang Maha Tinggi di atas kasih karuniaNya yang berlimpah yang memungkinkan saya menikmati ruang menjadi salah seorang daripada jutaan ciptaanNya yang diberi peluang menimba ilmu sehingga ke peringkat kedoktoran ini. Tanpa kasihNya, segalanya tidak bermakna kerana di luar daripada KasihNya adalah kesia-siaan.

Syukur dan terima kasih yang tidak terhingga saya perpanjangkan kepada penyelia utama saya Prof. Madya Dr. Naimah Yusoff di atas bimbingan dan panjang sabarnya sepanjang bersama saya sebagai pelajar kedoktorannya. Dalam keluhan kepenatannya, penyelia utama saya masih memberi ruang intelegnya untuk memberi teguran yang amat membina saya. Kesabarannya memberi jutaan keinsafan kepada saya betapa ilmu yang diperturunkannya ini amat berharga. Setinggi-tinggi penghargaan untuk penyelia kedua saya iaitu Prof. Madya Dr. Baharom Mohamad. Penyuntik motivasi yang tidak pernah jemu, penuh dengan ketelusan dalam menyalurkan ilmu bimbingan sehinggalah akhirnya siap penulisan penyelidikan saya ini. Terima kasih juga kepada Prof. Ramayah Thurasamy (USM), Dr. Othman Talib (UPM) yang memberi pendedahan dan tunjuk ajar tentang penulisan tesis serta analisis SEM AMOS dan SPSS. Ucapan jutaan terima kasih juga kepada pensyarah-pensyarah dan kakitangan UMS yang membantu secara langsung dan tidak langsung sehingga penulisan tesis ini berjaya disiapkan.

Jutaan terima kasih juga kepada pihak EPRD dengan kerjasama yang begitu baik membenarkan membuat penyelidikan perincian di pusat peyelidikan berkenan. Ucapan terima kasih juga kepada pihak JPN yang mengeluarkan surat kebenaran lanjut belajar dengan tempoh yang cukup selesa. Begitu juga tidak dilupakan terima kasih khusus kepada bekas PPD Keningau, En. Raisin yang memberi kerjasama padu kepada saya ketika mendapatkan maklumat berkaitan kajian, tidak lupa juga Pn. Beaty bekas penolong PPD Keningau. Selayaknya, penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih kepada ketua jabatan saya, PPD Keningau, En. Masly Bin Wahip yang cukup memahami saya dari segi keperluan masa untuk menyiapkan penulisan tesis ini. Begitu juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Timbalan PPD Keningau, Pn. Jamilah Talib yang sentiasa memahami malah memberi motivasi kepada saya untuk menyelesaikan penulisan tesis ini, dan semua warga PPD Keningau yang mesra dan sudi membantu saya.

Terima kasih juga kepada bekas pengetua saya En. Mail Suanda yang amat memahami keperluan masa yang saya tuntutan untuk tujuan kajian ini. Tanpa jiwa yang memahami, sudah pasti saya menghadapi kesukaran untuk pertimbangan antara kerjaya terhadap anak-anak murid di sekolah dengan kepentingan kajian. Terima kasih tuan pengetua. Semua warga SMK Apin-Apin yang banyak mendorong

saya, khususnya Kak JU, sahabatku Ari, Mai, Vie, Dann dan ramai lagi, terima kasih.

Nadi kehidupanku, keluarga tercinta, suami, anak-anak dan kedua ibu bapa. Terima kasih dengan sokongan padu kalian. Kadangkala dapur tidak berasap dek kesibukan mummy dengan kajian, tapi kalian anak-anakku Eya, Elon, Unga, masih memperlihatkan tawa mesra tanpa sikitpun rasa kecil hati. Mama dan bapa, walau kalian tidak faham aras kedoktoran tapi sokongan kalian dan paduan memahami kesibukan anak tunggal kalian ini amat mengagumkan. Suamiku yang juga sahabatku, selamanya hiduplah kasih agape antara kita.Amen.

Seterusnya sahabat-sahabat yang turut sama membantu menyiapkan penulisan tesis ini, saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih. Persahabatan yang terputik di sini tidak akan dilupakan selamanya.

Akhir kata, semoga kita diberi kemampuan untuk hidup sesuai dengan kehendakNya, semoga kita diberi kekuatan menempuh segala aral di dunia tumpangan ini. Tuhan menyertai kita, perlindungan Tuhan sentiasa bersama kita sehingga hidup kita penuh dengan rahmatNya.

Laimah Binti Sungap
30 Ogos 2014



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan dan sumbangan antara tiga variabel iaitu amalan pengurusan kurikulum, komitmen kerja, dan kepuasan kerja terhadap prestasi akademik sesebuah sekolah. Sekolah berprestasi akademik bawah 59% dan sekolah berprestasi akademik 60% ke atas adalah sasaran kajian ini. Kajian reka bentuk tinjauan ini, menggunakan soal selidik untuk mendapatkan data kuantitatif daripada 287 ketua panitia di empat buah daerah kawasan pedalaman atas, Sabah. Kajian ini menggunakan instrumen oleh Yulk & Kim (1995), untuk variabel amalan pengurusan kurikulum, instrumen kepuasan kerja yang diubahsuai daripada instrumen oleh Paul E. Spector (1994) dan instrumen komitmen kerja oleh Mohd. Nor Jaafar, (2002). Data kajian ini dianalisis menggunakan pakej Statistik SPSS versi 18 dan perisian AMOS versi 18. Data yang diperoleh dilaksanakan secara deskriptif (min dan sisihan piawai), dan analisis secara inferensi iaitu ujian t, korelasi pearson dan regresi berganda. Selanjutnya kajian diteruskan lagi dengan analisis *Structural Equation Modeling* (SEM) untuk menguji model yang telah dicadangkan oleh penyelidik. Dapatan utama kajian ini memperlihatkan, ketiga-tiga variabel bebas (amalan pengurusan kurikulum, komitmen kerja dan kepuasan kerja) mempunyai hubungan yang positif dan signifikan dengan prestasi akademik sekolah sama ada sekolah berprestasi 59% ke bawah mahupun sekolah berprestasi melebihi 60%. Analisis regresi berganda yang menunjukkan secara signifikan, peramal amalan pengurusan dan peramal komitmen kerja mempunyai pengaruh terhadap kepuasan kerja, iaitu peramal amalan pengurusan kurikulum ($F=111.844, p<0.5$) menyumbang sebanyak 31.5% varians ($R^2=.315$), ($\beta=.302, p<0.5$) dalam variabel kepuasan kerja sementara peramal komitmen kerja menyumbang sebanyak 12.8% ($R^2=.441$) ($F=224.869, p<0.5$), ($\beta = .452, P<0.5$) dalam variabel kepuasan kerja. Analisis laluan model persamaan struktur (SEM) juga menunjukkan data yang digunakan mempunyai kesepadanan yang mengukuhkan lagi dapatan analisis regresi berganda. Ujian terhadap variabel mediator iaitu kepuasan kerja menunjukkan bahawa kepuasan kerja bertindak sebagai mediator sempurna (*complete mediation*) antara amalan pengurusan kerja dengan prestasi akademik sekolah dan antara komitmen kerja dengan prestasi akademik sekolah. Analisis korelasi pearson juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara variabel-variabel yang dikaji. Analisis secara deskriptif menunjukkan bahawa amalan pengurusan kurikulum, komitmen kerja dan kepuasan kerja dalam kalangan ketua panitia berada pada tahap tinggi sama ada sekolah berprestasi 59% dan ke bawah ataupun sekolah berprestasi 60% dan ke atas. Justeru dapatan kajian ini adalah diharapkan memberikan input yang berfaedah untuk penambahbaikan produktiviti sektor pendidikan. Pada akhir kajian ini juga dicadangkan agar pengkajian tentang amalan pengurusan kurikulum, komitmen kerja dan kepuasan kerja dirungkai secara berterusan kerana variabel tersebut adalah variabel yang bersifat dinamik terhadap variabel lain.

ABSTRACT

THE PRACTICE OF CURRICULUM MANAGERIAL, JOB COMMITMENT AND JOB SATISFACTION AMONG THE HEAD OF DEPARTMENT AND THEIR CORRELATION WITH THE ACADEMIC PERFORMANCE IN SECONDARY SCHOOL IN SABAH

The aims of this study, is to examine the relationship and contribution between the three variables specific of the Curriculum Management Practices, Work Commitment and Job Satisfaction, which contribute to the academic performances at schools. The main target of this study is towards schools which are below 59% and above 60% academically performance. The research design used for this survey is a questionnaire, that basically to obtain quantitative data from a number of 287 School Panel Heads based in four rural districts in the state of Sabah. The instrument is by Yulk & Kim (1995) whereby also used in this study for the variable of Curriculum Management Practices. On Job Satisfaction, the instrument adapted from Paul E. Spector (1994) on Work Commitment and the instrument by Mohd. Nor Jaafar (2002) were used. The analyzed data used in the Statistical Package SPSS version 18 and AMOS version 18. The data obtained were analyzed in descriptive manner (means and standard deviation), inferential analysis t , test of Pearson correlation and multiple regression. The main finding of this study showed that the three independent variables; Curriculum Management Practices, Work Commitment and Job Satisfaction, have positive and significant relationship with the School Academic Performances;. both in schools of below 59% and above 60%. The multiple regression analysis carried out showed that the predictor have significant influence on job satisfaction, that is curriculum management practice predictor contributing, 31.5% ($R^2=.315$), ($F=111.844, p<0.5$), ($\beta =.302, p<0.5$) on the job satisfaction variable. Similarly, work commitment predictor contributes 12.8% ($R^2=.441$) ($F=224.869, p<0.5$), ($\beta = .452, P<0.5$). Structural equation modeling's analysis also shows that the data which used matches and supports the findings from the multiple regression analysis. Tests on the mediator variable, which is the job satisfaction, shows that job satisfaction acts as a complete mediator in two instances; between Curriculum Management Practices, and school academic performance and between Work Commitment and the academic performance. Pearson's correlation analysis shows that there is a significant relationship among the studied variables. Descriptive Analysis showed that the Curriculum Management Practices, Work Commitment and Job Satisfaction among Panel Heads are at a high level both in schools with academic performances of below 59% and above 60%. Thus, the findings of this study are expected to provide useful inputs for the enhancement of high performances in the education sector. At the end, this study suggests that further studies will be done to unfold the variables of Curriculum Management Practices, Work Commitment and Job Satisfaction which definitely have dynamic influence on other variables.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvii
GLOSARI AKRONIM	xix
SENARAI LAMPIRAN	xx
BAB 1: PENGENALAN	
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	5
1.2 Pernyataan Masalah	14
1.2.1 Isu Berkaitan Pengurusan Kurikulum	14
1.2.2 Isu Berkaitan Komitmen Kerja	25
1.2.3 Isu Kepuasan Kerja	26
1.2.4 Isu Prestasi Akademik	27
1.2.5 Rumusan Isu Amalan Pengurusan Kurikulum, Komitmen Kerja, Kepuasan Kerja dan Prestasi Akademik	29
1.3 Tujuan Kajian	30
1.4 Objektif Kajian	31
1.5 Soalan Kajian	32
1.6 Hipotesis Kajian	33
1.7 Definisi Operasional	33
1.7.1 Amalan Pengurusan Kurikulum	33
1.7.2 Kepuasan Kerja	36

1.7.3	Komitmen Terhadap Kerja	36
1.7.4	Kurikulum	37
1.7.5	Ketua Panitia Mata Pelajaran (KP M/P)	38
1.7.6	Prestasi Akademik	39
1.7.7	Kategori Sekolah	39
1.8	Kepentingan Kajian	40
1.9	Batasan Kajian	41
1.9.1	Penggunaan Populasi	42
1.9.2	Pembolehkan	42
1.10	Rumusan	42
BAB 2: TINJAUAN LITERATUR		
2.1	Pendahuluan	43
2.2	Definisi Kurikulum	44
2.2.1	Peranan Kurikulum	46
2.2.2	Kehendak Kurikulum Kebangsaan	48
2.2.3	Pelaksanaan Kurikulum Di Sekolah	49
2.2.4	Pengurusan Kurikulum	51
2.2.5	Konsep Amalan Pengurusan Kurikulum	54
2.2.6	Amalan-Amalan Pengurusan Kurikulum	57
2.2.7	Teori-Teori Pengurusan Kurikulum	61
2.3	Kajian-Kajian Tentang Pengurusan Kurikulum	72
2.4	Konsep Komitmen	76
2.4.1	Komitmen Kerja	83
2.4.2	Teori-Teori Komitmen	88
2.4.3	Implikasi Komitmen Kerja	102
2.5	Kajian-Kajian Tentang Komitmen	103
2.6	Konsep Kepuasan Kerja	108
2.6.1	Definisi Kepuasan Kerja	111
2.6.2	Teori-Teori Kepuasan Kerja	118
2.6.3	Implikasi Ketidakpuasan Kerja	128
2.7	Kajian-Kajian Tentang Kepuasan Kerja	138
2.7.1	Ciri-Ciri Sosiodemografi Dengan Kepuasan Kerja	138

2.7.2	Faktor Gaji dan Kepuasan Kerja	140
2.7.3	Situasi Kerja Dengan Kepuasan Kerja	142
2.7.4	Peluang Kenaikan Pangkat Dengan Kepuasan Kerja	143
2.7.5	Penyeliaan Dengan Kepuasan Kerja	145
2.7.6	Rakan Sekerja Dengan Kepuasan Kerja	146
2.8	Konsep Pencapaian Akademik	147
2.8.1	Pencapaian Akademik Sekolah	149
2.8.2	Teori-Teori Prestasi Akademik	149
2.9	Kerangka Konseptual Kajian	157
2.9.1	Definisi Variabel	158
2.10	Rumusan	160
BAB 3: METODOLOGI		
3.1	Pendahuluan	162
3.2	Reka Bentuk Kajian	163
3.3	Populasi dan Pemilihan Sampel	164
3.4	Instrumen Kajian	169
3.4.1	Pembahagian Instrumen	171
3.5	Kebolehpercayaan Instrumen	173
3.5.1	Kesahaan dan Kebolehpercayaan Konstruk	174
3.6	Kajian Rintis	184
3.7	Ujian Kernormalan	185
3.8	Kaedah Pungutan Data	186
3.9	Tatacara Penganalisan Data	187
3.9.1	Analisis Deskriptif	187
3.9.2	Analisis Inferensi	188
3.9.3	Samakan Data Pembolehkan Kajian	191
3.9.4	Structural Equation Model (SEM)	194
3.9.5	Pengesahan Analisis Faktor (Confirmatory Factor Analysis), (CFA)	196
3.10	Kesimpulan	204

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	205
4.2	Latar Belakang Responden	205
4.3	Prestasi Akademik Sekolah	208
4.4	Dapatan Kajian Secara Deskriptif	210
4.4.1	Dimensi Amalan Pengurusan Kurikulum, Kepuasan Kerja dan Komitmen Kerja	211
4.4.2	Sub-dimensi Amalan Pengurusan Kurikulum, Komitmen Kerja dan Kepuasan Kerja	213
4.5	Item-item Amalan Pengurusan Kurikulum, Komitmen Kerja dan Kepuasan Kerja	218
4.5.1	Item-item Amalan Pengurusan Kurikulum, Komitmen Kerja dan Kepuasan Kerja Secara Keseluruhan	218
4.5.2	Item-item Amalan Pengurusan Kurikulum, Komitmen Kerja dan Kepuasan Kerja Bagi Sekolah Dengan Prestasi Akademik 60% dan ke atas	224
4.5.3	Item-item Amalan Pengurusan Kurikulum, Komitmen Kerja dan Kepuasan Kerja Bagi Sekolah Dengan Prestasi 59% ke bawah	230
4.6	Dapatan Secara Inferensi	235
4.6.1	Ujian – t dimensi Amalan Pengurusan Kurikulum, Komitmen Kerja dan Kepuasan Kerja (Menguji H_0 1, H_0 2 dan H_0 3)	235
4.6.2	Korelasi Pearson Amalan Pengurusan Kurikulum, Komitmen Kerja, Kepuasan Kerja	237
4.7	Regresi Berganda (<i>Stepwise</i>) Pembolehubah bebas Terhadap Pembolehubah Bersandar	243
4.8	Ujian Analisis Lintasan SEM AMOS	245
4.9	Kesimpulan	256

BAB 5: RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	258
5.2	Imbasan Objektif Kajian	258
5.3	Perbincangan	261
5.3.1	Tahap Amalan Pengurusan Kurikulum, Komitmen Kerja dan	261

	Kepuasan Kerja KP Sekolah A dan KP Sekolah B Secara Keseluruhan	
5.3.2	Tahap Amalan Pengurusan Kurikulum Dalam Kalangan KP Sekolah A dan KP Sekolah B	264
5.3.3	Tahap Komitmen Kerja Dalam Kalangan KP Sekolah A dan KP Sekolah B	268
5.3.4	Tahap Kepuasan Kerja Dalam Kalangan KP Sekolah A dan KP Sekolah B	272
5.4	Perbincangan Dapatan Kajian Secara Inferensi	276
5.4.1	Perbezaan Skor Min Amalan Pengurusan Kurikulum Dalam Kalangan KP Sekolah A dan KP Sekolah B Berdasarkan Prestasi Akademik Sekolah	277
5.4.2	Perbezaan Skor Min Variable Komitmen Kerja Dalam KP Sekolah A dan KP Sekolah B Berdasarkan Prestasi Akademik	279
5.4.3	Perbezaan Skor Min Kepuasan Kerja Dalam KP Sekolah A dan KP Sekolah B Berdasarkan Prestasi Akademik	281
5.4.4	Hubungan Amalan Pengurusan Kurikulum, Kepuasan Kerja dan Komitmen Kerja Dalam Kalangan Ketua Panitia Sekolah A dan Ketua Panitia Sekolah B Dengan Prestasi Akademik	283
5.4.5	Pengaruh Amalan Pengurusan Kurikulum, dan Komitmen Kerja Terhadap Kepuasan Kerja Dalam Kalangan KP Sekolah A dan KP sekolah B	286
5.4.6	Hubungan dan Pengaruh Secara Langsung dan Tidak Langsung Dalam Variabel Amalan Pengurusan Kurikulum, Komitmen Kerja dan Kepuasan Kerja Terhadap Prestasi Akademik Sekolah	287
5.5	Implikasi Kajian	290
5.5.1	Implikasi Terhadap Kerangka Kajian	291
5.5.2	Implikasi Terhadap Pengamalan	295
5.5.3	Implikasi Terhadap Penyelidikan	307
5.5.4	Falsafah dan Ilmu Baru yang disumbangkan Oleh Kajian	308
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	309
5.7	Penutup	312
	RUJUKAN	315


SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1: Statistik Penilaian Menengah Rendah Mengikut Negeri Di Malaysia	19
Jadual 1.2: Statistik Pencapaian Akademik Menengah Rendah Sekolah Menengah Kawasan Pedalaman	22
Jadual 3.1: Formula dan Pengiraan Sampel	167
Jadual 3.2: Pedalaman Atas Negeri Sabah	169
Jadual 3.3: Bilangan Responden Mengembalikan Soal Selidik	169
Jadual 3.4: Pembahagian Instrumen	172
Jadual 3.5: Nilai Pekali Hubungan	174
Jadual 3.6: Nilai Kebolehpercayaan Cronbach Alpha	174
Jadual 3.7: Indeks Kebolehpercayaan Alpha Cronbach Bagi Setiap Item Dimensi Amalan Pengurusan Kurikulum	175
Jadual 3.8: Indeks Kebolehpercayaan Alpha Cronbach Bagi Setiap Item Dimensi Komitmen Kerja	177
Jadual 3.9: Indeks Kebolehpercayaan Alpha Cronbach Bagi Setiap Item Dimensi Komponen Komitmen (Visi & Misi Sekolah)	178
Jadual 3.10: Indeks Kebolehpercayaan Alpha Cronbach Bagi Setiap Item Dimensi Komponen Komitmen Kerja (Meningkatkan Prestasi)	179
Jadual 3.11: Indeks Kebolehpercayaan Alpha Cronbach Bagi Setiap Item Dimensi Komponen Kepuasan Kerja (Kemahiran)	180
Jadual 3.12: Indeks Kebolehpercayaan Alpha Cronbach Bagi Setiap Item Dimensi Komponen Kepuasan Kerja (Sokongan Pihak Atasan)	181
Jadual 3.13: Indeks Kebolehpercayaan Alpha Cronbach Bagi Setiap Item Dimensi Komponen Kepuasan Kerja (Sokongan Rakan Sekerja)	182

Jadual 3.14:	Indeks Kebolehpercayaan Alpha Cronbach Bagi Setiap Item Dimensi Komponen Kepuasan Kerja (Ganjaran)	182
Jadual 3.15:	Nilai Kepencongan dan Kurtosis Bagi Instrumen	186
Jadual 3.16:	Nilai Bagi Setiap Instrumen Dalam Teknik Analisis Faktor	194
Jadual 3.17:	Penggunaan SEM AMOS	194
Jadual 3.18:	Pembuangan Item Amalan Pengurusan Kurikulum Melalui Pembersihan CFA	199
Jadual 3.19:	Pembuangan Item Kepuasan Kerja Melalui Proses Pembersihan CFA	201
Jadual 3.20:	Pembuangan Item Komitmen Kerja Melalui Proses Pembersihan CFA	203
Jadual 4.1:	Taburan Latar Belakang Responden (N=287)	207
Jadual 4.2:	Daerah Responden (N=287)	208
Jadual 4.3:	Prestasi Akademik PMR Mengikut Sekolah: PMR 2011	209
Jadual 4.4:	Interpretasi Julat Skor Min	210
Jadual 4.5:	Min Keseluruhan Bagi Dimensi Amalan Pengurusan Kurikulum, Kepuasan Kerja dan Komitmen Kerja Ketua Panitia (N=287)	212
Jadual 4.6:	Min Keseluruhan Bagi Dimensi Amalan Pengurusan Kurikulum, Kepuasan Kerja dan Komitmen Kerja Ketua Panitia Bagi Sekolah Prestasi >60%	212
Jadual 4.7:	Min Keseluruhan Bagi Dimensi Amalan Pengurusan Kurikulum, Kepuasan Kerja dan Komitmen Kerja Ketua Panitia Bagi Sekolah Prestasi <59%	213
Jadual 4.8:	Min Keseluruhan Sub-dimensi Bagi Dimensi Amalan Pengurusan Kurikulum, Kepuasan Kerja dan Komitmen Kerja Ketua Panitia	214
Jadual 4.9:	Min Keseluruhan Sub-dimensi Bagi Dimensi Amalan Pengurusan Kurikulum, Kepuasan Kerja dan Komitmen Kerja Ketua Panitia Bagi Sekolah Prestasi >60%	216

Jadual 4.10:	Min Keseluruhan Sub-dimensi Bagi Dimensi Amalan Pengurusan Kurikulum, Kepuasan Kerja dan Komitmen Kerja Ketua Panitia Bagi Sekolah Prestasi <59%	217
Jadual 4.11:	Min Setiap Item Amalan Pengurusan Kurikulum (N=287)	219
Jadual 4.12:	Min Setiap Item Komitmen Kerja (N=287)	221
Jadual 4.13:	Min Setiap Item Komitmen Kerja (N=287)	223
Jadual 4.14:	Min Setiap Item Amalan Pengurusan Kurikulum Sekolah Prestasi >60%	224
Jadual 4.15:	Min Setiap Item Komitmen Kerja Sekolah Prestasi >60%	227
Jadual 4.16:	Min Setiap Item Kepuasan Kerja Sekolah Prestasi >60%	228
Jadual 4.17:	Min Setiap Item Amalan Pengurusan Kurikulum Sekolah Prestasi <59%%	230
Jadual 4.18:	Min Setiap Item Komitmen Kerja Sekolah Prestasi <59%	232
Jadual 4.19:	Min Setiap Item Kepuasan Kerja Sekolah Prestasi <59%	234
Jadual 4.20:	Ujian -t, Dimensi Amalan Pengurusan Kurikulum, Komitmen Kerja dan Kepuasan Kerja Ketua Panitia Berdasarkan Prestasi Akademik	237
Jadual 4.21:	Korelasi Pearson Dimensi Amalan Pengurusan Kurikulum, dan Komitmen Kerja Ketua Panitia Sekolah A dan Ketua Panitia Sekolah B	238
Jadual 4.22:	Nilai Pekali dan Tafsiran Kekuatan Perkaitan: Guildford Rule of Thumb	239
Jadual 4.23:	Korelasi Pearson Dimensi Amalan Pengurusan Kurikulum dan Kepuasan Kerja Ketua Panitia Sekolah A dan Ketua Panitia Sekolah B	240
Jadual 4.24:	Korelasi Pearson Dimensi Kepuasan Kerja dan Komitmen Kerja Ketua Panitia Sekolah A dan Ketua Panitia Sekolah B	240


Jadual 4.25:	Korelasi Pearson Dimensi Amalan Pengurusan Kurikulum, Kepuasan Kerja dan Komitmen Kerja Ketua Panitia Sekolah A dan Ketua Panitia Sekolah B	242
Jadual 4.26:	Regresi Berganda (<i>Stepwise</i>) Variabel Amalan Pengurusan Kurikulum,dan Komitmen Kerja terhadap Kepuasan Kerja dalam Kaangan KP	245
Jadual 4.27:	Jadual Unit Pengukuran Indeks Penyesuaian Mutlak (<i>Absolute Fit Index, AFI</i>)	246
Jadual 4.28:	Kriteria Struktur Lintasan SEM	247
Jadual 4.29:	Kesahaan dan Faktor Pemuatan (<i>Reliability and Factor Loading's</i>)	250
Jadual 4.30:	Kesahaan Diskriminan (<i>Discriminant Validity</i>) Korelasi Antara Variabel	251
Jadual 4.31:	Jadual Pengukuran Kesepadanan Indeks	251
Jadual 4.32:	Anggaran Parameter (<i>Regression Weight</i>) Model Dibentuk	253
Jadual 4.33:	Rumusan Dapatan Hasil Berdasarkan Hipotesis Kajian	254



SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1: Jenis-jenis Sekolah	10
Rajah 1.2: Carta Aliran Jawatankuasa Kurikulum	17
Rajah 2.1: Konsep Umum Kurikulum	45
Rajah 2.2: Model Komitmen Terhadap Organisasi	92
Rajah 2.3: Model Komitmen Terhadap Organisasi De Cotiis dan Summers	93
Rajah 2.4: Model Meta Analisis Komitmen Terhadap Organisasi Mathieu dan Zajac	94
Rajah 2.5: Model Komitmen Terhadap Organisasi: Pembentukan, Proses dan Implikasi	95
Rajah 2.6: Faktor-faktor Mempengaruhi Komitmen Terhadap Organisasi Dan Kesannya Ke Atas Organisasi	96
Rajah 2.7: Teori Dua Faktor Motivator Dan Hygiene	121
Rajah 2.8: Hubungan Ganjaran Dengan Kepuasan Kerja	123
Rajah 2.9: Perbandingan Teori Hierari Maslow dan Teori Dua Faktor Herzberg	131
Rajah 2.10: Pandangan Bertentangan Dalam Kepuasan dan Ketidakpuasan	134
Rajah 2.11: Elemen Teori Jangkaan Vroom	156
Rajah 2.12: Teoritikal Kajian	159
Rajah 2.13: Kerangka Konseptual Kajian	160
Rajah 3.1: Prosedur Pengumpulan Pentadbiran Data	186
Rajah 3.2: Instrumen Amalan Pengurusan Kurikulum Setelah Dijalankan Proses <i>CFA(Confirmatory Factor Analysis)</i> <0.50	202
Rajah 3.3: Instrumen Kepuasan Kerja Setelah Dijalankan Pembersihan <i>CFA (Confirmatory Factor Analysis)</i> <0.50	205
Rajah 3.4: Instrumen Komitmen Kerja Setelah Dijalankan Pembersihan <i>CFA(Confirmatory Factor Analysis)</i> <0.50	207

Rajah 4.1:	Menunjukkan Tentang Hubungan Setiap Pembolehubah Secara Keseluruhan	243
Rajah 4.2:	Pengukuran SEM	249
Rajah 4.3:	Analisis SEM Keseluruhan	252




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

GLOSARI AKRONIM

%	Peratus
AMOS 18.0	Analysis Of Moment Structures Version 18
Bil	Bilangan
CFA	<i>Confirmatory Factor Analysis</i>
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
EPRD	<i>Education Planning Research & Development</i>
et.al	et alia (Latin) " <i>and others</i> " (Penulis-penulis lain)
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KP MP	Ketua Panitia Mata Pelajaran
KPM	Kementerian Pelajaran Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
PhD	<i>Doctor of Philosophy</i> (Doktor Falsafah)
PMR	Penilaian Menengah Rendah
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
SDN BHD	Sendirian Berhad
SEM	<i>Structural Equation Modeling</i>
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS 18.0	<i>Statistical Pakage For Social Sciences Version 18</i>
UMS	Universiti Malaysia Sabah
UPM	Universiti Putra Malaysia
USM	Universiti Sanis Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

- LAMPIRAN A: Output Analisis
LAMPIRAN B-H: Surat-Surat Berkaitan Penyelidikan
LAMPIRAN I: Soal Selidik



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Pendidikan merupakan tunjang utama pembangunan ekonomi dan pembangunan menyeluruh sesebuah negara. Negara sangat bergantung pada ilmu pengetahuan, kemahiran dan kompetensi yang dimiliki oleh rakyat dalam menghadapi persaingan ekonomi global pada masa ini. Ringkas kata, pendidikan merupakan asas pembangunan sesebuah negara.

Berikutan dengan peranan pendidikan yang sedemikian, transformasi dan perkembangan yang berlaku dalam pembangunan negara secara langsungjuga menyebabkan berlakunya reformasi dan transformasi dalam sektor pendidikan. Antara reformasi yang dimaksudkan adalah pelaksanaan Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan (PIPP 2006-2010) sebagai reformasi pendidikan secara terancang bertujuan untuk membangunkan pendidikan secara sistematik dan penyediaan pendidikan yang berkualiti. Kesenambungan daripada PIPP, kerajaan menjadikan perluasan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan sebagai salah satu daripada enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dengan hasrat untuk melahirkan modal insan yang berdaya maju dan mampu memacu ekonomi negara. Pengenalan NKRA pendidikan adalah sebahagian daripada transformasi yang berlaku dalam sektor pendidikan (Rahimah Ahmad, 2008).Terbaru adalah pelancaran Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 (PPPM) iaitu hasil daripada kajian dan perbandingan pencapaian lampau dengan membandingkan tanda aras antarabangsa dari segi perkembangan pendidikan.

Sehubungan daripada penekanan reformasi dan transformasi dalam sektor pendidikan, pihak pengurusan adalah diwajibkan mempelajari dan menguasai kemahiran dalam pengurusan untuk membolehkan kelangsungan reformasi dan

transformasi yang dirancang. Oleh itu, kemahiran dalam aspek pengurusan khususnya berkaitan dengan pengurusan kurikulum perlu dimiliki oleh pihak pengurusan. Hal ini kerana, kurikulum merupakan intipati sistem pendidikan dan sememangnya patut diurus dengan cekap (Cruickshank *et al*: 1995). Tuntutan untuk menguasai ilmu pengurusan diperkukuhkan lagi dengan penjelasan oleh June M.L.Poon (2006), bahawa penguasaan kemahiran pengurusan akan dapat membolehkan keberkesanan sesebuah organisasi. Tambahan pula, sistem pendidikan adalah bersifat responsif kepada perubahan dan keperluan semasa. Jadi, sistem pendidikan juga sudah pasti perlu ditadbir urus seiring dengan perubahan yang berlaku.

Bagaimanapun, terdapat halangan untuk membangunkan serta mengurus sektor pendidikan yang berkualiti. Hal ini kerana, organisasi sekolah sebagai agen perubahan utama sektor pendidikan, semakin unik dan kompleks (Ramaiah A.L, 1993). Shahril @ Charil Marzuki (2003), juga menyatakan bahawa sekolah merupakan organisasi yang unik yang tidak terdapat pada mana-mana organisasi lain di dunia. Keunikan yang dimaksudkan memerlukan pengurus yang berpengetahuan dan berkemahiran memandangkan sekolah mempunyai sekurang-kurangnya tiga ciri yang menjadikan organisasi sekolah kini paling sukar ditadbir iaitu yang pertama sekolah dan sistemnya adalah organisasi manusia. Klien dan bahan mentahnya adalah manusia, sumbernya juga manusia dan matlamatnya pula dalam diri manusia, keduanya kumpulan sasaran sekolah ialah manusia yakni kanak-kanak dan remaja yang masing-masing berada di dalam tempoh perkembangan fizikal, emosi dan sosial, seterusnya matlamat sekolah adalah berkait rapat dengan pendidikan yang menterjemahkan proses pembelajaran, perkembangan dan pembangunan diri manusia sebagai tanggungjawab utama .

Matlamat sekolah yang sedemikian bukan sahaja memerlukan asas keilmuan yang mantap dalam ilmu-ilmu teras tetapi juga kemahiran-kemahiran dalam bidang pengurusan, (Yahya Don, 2005). Maka dengan itu, Ibrahim Mamat, (2001), menjelaskan matlamat utama sekolah yang berkaitan dengan pembangunan sumber manusia merupakan tanggungjawab yang menuntut komitmen yang tinggi. Ketidaksampaian ilmu pendidikan yang dipertanggungjawabkan kepada pihak

sekolah bukan sahaja menyebabkan ketidakseimbangan terhadap pelajar tetapi implikasi yang lebih kritikal adalah menyebabkan kepincangan pembangunan sesebuah negara.

Keunikan sekolah bertambah kompleks apabila kurikulum yang menjadi teras dalam sistem pendidikan perlu dipastikan agar sentiasa terkini dan sesuai dengan perkembangan zaman dan dunia umumnya; sentiasa berdaya saing dengan negara lain; kurikulum yang dibina dan ditambah baik dapat menangani keperluan tempatan; bersifat menyeluruh dan mampu melahirkan murid yang memenuhi matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan aspirasi negara dalam aspek kemenjadian murid (Sufean Hussin, 2004). Rumusannya, kurikulum hendaklah bersifat responsif bukan sahaja terhadap perubahan dalam negara tetapi juga responsif terhadap perubahan secara global.

Dengan demikian, kurikulum yang menjadi nadi kepada sistem pendidikan di negara kita, telah diformulasikan bersifat dinamik dan responsif kepada perubahan serta keperluan semasa (Abdul Ghani Abdullah, 2009). Sifat kurikulum yang dimaksudkan terbukti apabila Menteri Pendidikan Malaysia, Tan Sri Muhiyiddin Yassin mengumumkan bahawa kurikulum yang diamalkan dalam sistem Pendidikan di Malaysia akan dirombak semula agar sesuai dengan keperluan semasa (Berita Harian, April 2012). Rombakan yang dilakukan terhadap kurikulum telah mula dan sedang dilaksanakan di seluruh sekolah di Malaysia. Antara rombakan yang dilakukan adalah sekolah diberi autoriti untuk mengendalikan sendiri penilaian terhadap pelajar, misalnya pelaksanaan kerja kursus Sejarah, Sains dan Pendidikan Moral wajib dinilai dari tingkatan 1 bagi sekolah menengah dan pelaksanaan KSSR menggantikan KBSR bagi sekolah rendah.

Hakikatnya, keunikan organisasi sekolah dan sifat kurikulum yang menjadi teras dalam sistem pendidikan ini, memerlukan pengurus yang berpengetahuan, berkemahiran dan berdaya mampu bagi memastikan hasrat sistem pendidikan yang terkandung dalam FPK dapat direalisasikan. Pengurus yang mempunyai kemahiran dalam aspek pengurusan pula akan menjadi boneka semata-mata sekiranya tidak mempunyai komitmen yang tinggi untuk melaksanakan tanggungjawab yang